

Hutan simpan: Afsa sokong usaha UPM

PERSATUAN Pelajar Perhutanan Asean (Afsa) menyokong usaha Fakulti Perhutanan, Universiti Putra Malaysia (UPM) mengekalkan Hutan Simpan Ayer Hitam, Puchong sebagai tempat pendidikan, penyelidikan dan pengembangan hutan.

Ahli Jawatankuasa persatuan itu, Mohd Yussainy Yusop, berkata hutan berkenaan perlu dikekalkan kerana pelajar tahun pertama Bachelor Sains Perhutanan dan Diploma Perhutanan universiti itu menjadikannya sebagai lokasi bagi menjalani latihan amali.

Beliau berkata, pelajar tahun pertama turut menggunakan hutan itu sebagai pusat menjalani Kem Perhutanan, iaitu pendedahan awal kepada keadaan dalam hutan.

Sehubungan itu, katanya, UPM, terutama Fakulti Perhutanan akan kehilangan aset bernilai sekiranya hutan simpan itu diterokai sama ada untuk tujuan penempatan baru atau mengeksploitasi hasilnya, termasuk balak.

"Pihak universiti terpaksa mengeluarkan perbelanjaan besar kerana terpaksa mencari hutan baru sebagai prasarana pendidikan, penyelidikan dan pengembangan hutan jika kawasan yang ada sekarang diterokai," katanya kepada Berita Harian di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Beliau mengulas laporan akhbar ini, baru-baru ini, mengenai kebimbangan UPM kemungkinan Hutan Simpan Ayer Hitam, yang dianugerahkan Kerajaan Selangor, ditarik balik untuk dimajukan sebagai kawasan perumahan, berikutan lokasinya yang strategik, iaitu berhampiran Putrajaya dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur.

Selain itu, ia juga terletak dalam lingkungan Koridor Raya Multimedia dan Cyberjaya. Bagi syarikat pembalakan pula, hutan simpan yang dilitupi 67 peratus kayu bernilai komersial dengan 127 spesies balak, termasuk meranti dan keruing itu menarik perhatian mereka untuk menerokainya.

Kemungkinan itu diperkuatkan lagi dengan usaha Kerajaan Selangor membangunkan kawasan persekitarannya menerusi pembinaan Projek Perumahan Kinrara dan Lestari Perdana.

Mohd Yussainy berkata, ketetapan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan yang diadakan di Rio de Janeiro, Brazil perlu diberi perhatian sebelum menerokai hutan berkenaan.

Katanya, ketetapan yang terkandung dalam Deklarasi Rio, iaitu Kenyataan Prinsip-prinsip Mengenai Hutan, Agenda 21, Konvensyen Mengenai Kepelbagaian Biologi dan kerangka konvensyen berkaitan perubahan iklim juga hendaklah diberi penekanan ketika merancang pembangunan dan penerokaan hutan.